

MODEL PENDIDIKAN ANAK DALAM SURAH LUQMAN DALAM KEHIDUPAN

Nur Hazieqah Azlin Binti Suhaimi¹
Anis Shairah Binti Muhamad Jamri²
Nur I'ffah Husna Binti Mohd Azim³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: nurhazieqahazlin@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: anisshairah@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: iffahusnaazim@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: Syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Setiap anak yang dilahirkan merupakan anugerah daripada Allah S.W.T dan juga amanah yang perlu dipikul oleh kedua ibu bapa terutama dari segi pendidikan. Agama Islam telah menggariskan panduan yang jelas dalam proses pendidikan anak-anak dari awal kelahiran sehingga meningkat dewasa. Oleh hal demikian, Sebagai ibu bapa seharusnya mengaplikasikan kaedah yang telah diperkenalkan oleh Allah swt dalam proses pendidikan anak-anak pada masa kini bagi melahirkan generasi hamba berakhlak dan betaqwa. Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat tidak menyedari bahawa kaedah pendidikan anak-anak telah diperkenalkan dalam ayat suci Alquran. Tanpa pendidikan yang benar akan membawa kepada keruntuhan akhlak dan jati diri remaja kini. Islam telah menyediakan garis panduan dari pelbagai aspek kehidupan termasuk soal Pendidikan anak-anak. Antara surah yang berkaitan dengan soal pendidikan anak-anak adalah surah Luqman dan ia bersesuaian dengan peredaran sepanjang zaman. Kajian ini bagi Mengenalpasti ayat al-quran dalam surah luqman yang berhubung dengan pendidikan anak-anak serta cara mengaplikasikan pendidikan anak-anak mengikut cara islam. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah dokumentasi daripada tafsiran Al-Quran, jurnal dan artikel yang berkaitan. Pendidikan merupakan usaha atau tindakan untuk membentuk keperibadian manusia serta ia adalah aspek penting bagi menentukan corak dan akhlak dalam kehidupan manusia. Dari ringkasan kisah Luqman ini juga kita dapat mengetahui tentang prinsip pendidikan yang terdiri daripada pendidikan tauhid, pendidikan syariat dan pendidikan akhlak.

Kata Kunci: Pendidikan Anak, Pendidikan Islam, Surah Luqman

Pengenalan

Keluarga merupakan sebuah unit pergaulan sosial yang kecil dan utama bagi seorang anak. Pendidikan yang utama dan pertama seorang anak datang dari pengaruh dan pergaulan dengan keluarga. Setiap anak-anak yang dilahirkan adalah suci murni. Hati mereka bersih dan amat mudah menerima agama yang benar serta akhlak yang mulia dan terpuji. Akhlak mereka adalah fitrah sebelum diperkenalkan atau dididik dengan sesuatu kebiasaan dan adat oleh orang sekeliling iaitu orang-orang terdekat mereka (Syafiq Ismail,2021). Hal ini dapat diperhatikan

bahawa Ibu Bapa adalah pendidik yang pertama bagi seseorang anak. Mereka umpama kain putih yang bersih sepertimana terdapat dalam hadith Baginda ﷺ yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu A'nhu yang bermaksud :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «ما من مولود إلا يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه، وينصرانه، أو يمجسانه
“Tidak seorang jua pun anak yang baru lahir melainkan dia dalam keadaan suci dan dua orang tuanyalah yang menyebabkan dia menjadi Yahudi, Nasrani, atau Majusi. (Sahih Muslim No 2658)

Setiap anak-anak yang dilahirkan Itu adalah anugerah Allah S.W.T namun bersama dengannya Amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada ibu bapa sebagaimana Allah telah berfirman di dalam ayat Al-Quran bahawa anak itu adalah ujian :

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar. (Surah Al-Anfal : 28)

Pendidikan adalah perkara yang harus dititikberatkan bagi Ibu Bapa yang bertanggungjawab. Oleh kerana, corak pendidikan yang diamalkan oleh ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan pendidikan dari pelbagai aspek untuk masa depan anak-anak mereka. Ibu bapa juga dilihat sebagai contoh teladan yang pertama kepada anak-anak. Hal ini kerana semua pengajaran dan pengalaman yang diserap oleh anak-anak daripada interaksi mereka dengan ibu bapa mereka sejak hari pertama mereka dilahirkan. Pendidikan dan pengalaman ini bertapak dan memperngaruhi jiwa mereka sebelum sesesorang itu mula berinteraksi dengan orang lain. Pendidikan yang benar akan melahirkan insan yang baik akhlaknya dan bertaqwa, serta bertanggungjawab terhadap agama, masyarakat dan negara. Oleh itu, Islam telah memberi garis panduan serta kaedah pendidikan yang sesuai untuk sepanjang zaman seperti yang ditunjukkan dalam Al-Quran dan dijelaskan dalam surah Luqman. Dalam surah tersebut telah dirakam dialog perbualan antara bapa dengan anaknya.

Proses pendidikan perlu diambil berat bagi melahirkan generasi yang berakhlak dan bertaqwa. Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat tidak menyedari bahawa kaedah pendidikan anak-anak telah diberikan dalam ayat suci Al-Quran. Tanpa pendidikan yang benar akan membawa kepada keruntuhan akhlak dan jati diri remaja kini. Islam telah menyediakan garis panduan dari pelbagai aspek kehidupan termasuk soal pendidikan. Artikel ini bagi mendalami kaedah Luqman mendidik anak-anaknya dengan menekankan tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Justeru sebagai ibu bapa seharusnya mengaplikasikan kaedah yang telah diperkenalkan oleh Allah Taala dalam pendidikan anak pada masa kini bagi memberntuk anak-anak menjadi seorang hamba yang taat dan bertaqwa.

Kajian Literatur

Tujuan kajian literatur adalah untuk mengkaji hubungan antara kajian lepas dengan kajian yang dijalankan oleh penulis. Antara sumber yang digunakan untuk ulasan literatur termasuk buku akademik, koleksi jurnal dan kitab-kitab tafsir dan sebagainya.

Antara salah satu sumber tinjauan literatur adalah diambil daripada laporan tesis yang bertajuk “Model nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya daripada Surah Luqman” oleh Nur Syafiqah Binti Na’azaha dari Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian ini membincangkan model kaunseling Luqman Al-Hakim kepada anaknya seperti yang disebutkan dalam Surah Luqman di dalam Al-Quran. Luqman Al-Hakim adalah seorang hamba yang soleh yang dikurniakan hikmah oleh Allah Taala. Kisah dan nasihatnya kepada anaknya telah menjadi contoh kepada ibu bapa dalam membesarkan anak-anak. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan tinjauan literatur secara kualitatif, menganalisis dan meringkaskan maklumat daripada kajian lepas dan buku yang berkaitan dengan topik. Perbincangan terbahagi kepada 3 bahagian. Yang pertama biografi Luqman Al-Hakim. Terkenal dengan kebijaksanaannya di kalangan orang arab. Allah Taala memuliakannya dengan menyebut namanya di dalam Al-Quran. Yang kedua, Kajian ini juga membincangkan 3 model utama iaitu model iman, model ibadah dan model akhlak. Yang ketiga, implikasi nasihat Luqman Al-hakim dalam membentuk jati diri seorang musli. Mengikuti nasihatnya menguatkan iman, disiplin dan komitmen seseorang terhadap islam. Ia membantu umat Islam menghadapi cabaran dan godaan serta mengekalkan iman dan jati diri yang kukuh. Kesimpulannya, nasihat Luqman Al-Hakim mengandungi hikmah yang mendalam dan masih relevan sebagai panduan umat Islam. Mempelajari dan melaksanakan nasihatnya dapat membantu membentuk akhlak yang baik selaras dengan ajaran Islam.

Selain itu, sumber yang berkaitan dengan kajian ialah bertajuk “Konsep pendidikan Al-Qur’an” oleh Salihin dan Ahmad Najib pada tahun 2020. Artikel ini membincangkan konsep pendidikan Al-Quran, ciri-ciri, matlamat, dan kaedahnya berdasarkan tafsiran Al-Quran. Ia menekankan kepentingan pendidikan Al-Quran sebagai model yang sesuai untuk mendidik manusia sejagat ke arah kesejahteraan di dunia dan akhirat. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi untuk pengumpulan data dan menggunakan kaedah induktif, deduktif serta perbandingan untuk analisis. Artikel ini membincangkan konsep pendidikan dalam Al-Quran. Ia membincangkan konsep pendidikan dalam Al-Quran. Ia mengkaji definisi pendidikan dari perspektif Islam menggunakan istilah Arab seperti Tarbiyyah, Ta’lim dan Ta’dib. Matlamat pendidikan Al-Quran adalah menjadikan manusia hamba Allah dan menyedari penyerahan mereka kepada-Nya. Ia bertujuan untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan kejahilan kepada cahaya iman. Kesimpulannya artikel ini berhuja bahawa Al-Quran memberikan panduan pendidikan yang menyeluruh dan harus menjadi kerangka pembangunan keperibadian Islam dan memenuhi tujuan penciptaan manusia.

Selain itu terdapat juga kajian yang bertajuk “Konsep Parenting Dalam Perspektif Al-Qur’an (Analisis Surah Luqman Ayat 13-19)” yang ditulis oleh Farhan Masrury pada tahun 2021. Kajian ini membincangkan kepentingan ibu bapa dalam membesarkan anak-anak yang soleh dan menekankan keperluan untuk komunikasi yang baik dari perkataan yang positif. Ia menggunakan pelbagai sumber dan pandangan ulama’ dalam membincangkan topik berkenaan. Serta menerangkan kesan perkataan ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak-anak dan kepentingan mengambil berat dan menunjukkan teladan yang baik.

Seterusnya, artikel yang ditulis pada tahun 2022 oleh Nur Hidayati, Najjah dan Faizal, bertajuk “Pembinaan Makna Semiotik Pembangunan Insan Dari Konteks Akhlak Menerusi Wasiat Luqman Al-Hakim”. Kajian ini memfokuskan kepada Luqman Hakim adalah tokoh yang digambarkan dalam Al-Quran dalam Surah Luqman dengan nasihat yang bertujuan untuk mendidik anak-anaknya dengan akhlak yang mulia. Menjelaskan kepentingan berbakti dan menghargai pengorbanan kedua ibu bapa. Menyatakan pandangan Ibnu Kathir akan maksud

kesederhanaan dalam ayat yang berkaitan yang bermaksud komunikasi yang tidak keterlaluan dan tidak meninggikan suara tentang perkara yang tidak memberi manfaat. Serta menjelaskan nilai-nilai akhlak yang mulia terhadap kedua ibu bapa. Nilai akhlak yang baik dalam Surah Luqman boleh dijadikan sebagai panduan dalam usaha untuk meningkatkan aspek akhlak dalam masyarakat. Kajian ini telah menunjukkan bahawa simbol pembangunan manusia digunakan dengan konsep yang telah dikupas melalui teori semiotik peirce yang membawa kepada tafsiran makna tersirat.

Kajian yang bertajuk “Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda” ditulis oleh Nadia dan Kamariah pada tahun 2019. Kajian ini memberi tumpuan kepada menganalisis pendidikan kanak-kanak melalui surah luqman, menegaskan bahawa pendidikan berasaskan Al-Quran boleh membimbing dan mendidik kanak-kanak dengan berkesan. Kajian ini menggunakan novel Azizi Haji Abdullah “Ayahnda” (1997), dengan menggunakan pendekatan masyarakat dalam teori metodologi melayu sebagai kerangka analisis. Pendekatan ini menggariskan karya sastera sebagai alay untuk kemakmuran dan kebahagiaan manusia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan Luqman Al-Hakim terhadap pendidikan kanak-kanak selaras dengan kehendak dan garis panduan Islam. Kajian ini mencadangkan pendekatan komuniti sebagai alay yang sesuai untuk menangani isu-isu kemasyarakatan dalam mengejar kebaikan dan keadilan, selaras dengan prinsip islam. Hasil kajian menunjukkan pendidikan yang berteraskan Al-Quran terbukti menjadi sumber optimum untuk mengimbangi aspek jasmani dan rohani kanak-kanak.

Selain itu, laporan tesis yang bertajuk “Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat Dan Psikologi Pendidikan Islam” yang dikarang oleh Atiyah Ali, Samhani, Nurfaizatul dan Abdul Rahman pada tahun 2019. Artikel ini membincangkan pendekatan pendidikan dalam Islam yang menekankan peranan pendidik dalam memupuk perkembangan akhlak dan rohani kanak-kanak. Ia juga menekankan kepentingan mengajar melalui kaca mata Al-Qur’an, dengan menumpukan kepada konsep seperti tauhid dan ibadah. Kajian ini mengupas pandangan holistik manusia dalam islam yang merangkumi aspek fizikal, mental dan spiritual. Kajian ini menganalisis peranan ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak-anak, persamaan dan perbezaan antara pendekatan pendidikan Islam dan pendidikan Barat dalam membangunkan psikologi dan pembangunan sahsiah kanak-kanak serta menonjolkan matlamat holistik pendidikan Islam.

Kajian yang bertajuk “Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian Dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan” yang ditulis oleh Syamila dan Zarrina Sa’ari pada tahun 2020. Kajian ini membincangkan analisis kandungan dalam pembanguna Model Kecerdasan Rohani untuk Kecemerlangan Manusia (SIMHE). Ia mengandungi biografi ringkas Abdullah Nasih Ulwan, seorang sarjana Islam kontemporari yang terkenal dengan sumbangannya dalam pendidikan dan kesusteraan islam. Rujukan tersebut merangkumi pelbagai teks islam dan karya akademik berkaitan dengan pendidikan Islam, kaunseling, dan salah tingkah laku di kalangan remaja islam. Kajian ini menyumbang kepada bidang pengajian dan pendidikan islam dengan mengetengahkan kepentingan pembanguna rohani dan akhla dalam konteks pendidikan Islam. Implikasi analisis kandungan untuk pembanguna SIMHE adalah sangat penting untuk memahami dan meningkatkan kecerdasan rohani dan kecemerlangan insan dalam kerangka Islam.

Kajian “pendidikan Anak Dalam Konsep Islam” yang ditulis oleh Teni Nurrita pada tahun 2021 memfokuskan kepentingan mendidik anak-anak dalam konsep Islam, menekankan

peranan ibu bapa dalam memperkenalkan Allah dan Nabi Muhammad ﷺ kepada anak-anak, serta menyemai rasa kagum kepada Nabi ﷺ. Kajian ini menerangkan fasa-fasa perkembangan kanak-kanak menurut Sarlito W.Sarwono dan perspektif Islam. Selain itu, mengkaji ayat-ayat Al-Qur'an berkaitan mendidik anak-anak, menekankan kepentingan akhlak yang baik, merendah diri dan niat dalam bertindak.

Terdapat juga kajian lepas yang bertajuk “Konsep Pendidika Islam Dalam Mendidik Aank Pada AL-Quran Surat Luqman Ayat 12-19” yang dikarang oleh Satriyadi dan Toni Nasution pada tahun 2023. Kajian ini menumpukan kepada konsep pendidikan Islam dalam mendidik anak-anak khususnya berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dalam Surah Luqman ayat 12 hingga 19. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dan pendekatan tafsiran tahlili untuk menganalisis kandungannya. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendedahkan konsep pendidikan islam dalam mendidik anak-anak seperti diterangkan dalam Al-Quran.

Kajian yang bertajuk “Peran Orang Tuan Dalam Mendidik Anak Perspektif Surah Luqman Ayat 12-19” yang ditulis oleh Eka dan Achmad Ruslan pada tahun 2023. Antara tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menerangkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak yang selari dengan konsep mendidik anak-anak dalam Surah Luqman ayat 12 hingga ayat 18 iaitu mendidik anak dari perspektif Islam atau berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Surah Luqman sering menjadi rujukan utama dalam pembahasan mengenai cara orang tua mendidik anak. Surah ini mengabadikan corak pendidikan yang dilaksanakan oleh Luqman Al-Hakim dalam mendidik anak-anaknya, yang menurut Ibnu Kathir, tokoh Luqman AL-Hakim sendiri merupakan seorang yang mempunyai sikap dan tingkah laku yang soleh walaupun bukan dari golongan Nabi dan Rasul. Fokus utama pengkaji ialah mengetahui nilai-nilai moral yang diterapkan oleh anak-anak kepada ibu bapa mereka dan juga sesama manusia. Mengkaji peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak dalam konteks hubungan mereka dengan Allah S.W.T, dengan memperkenalkan Allah kepada anak-anak yang merupakan asas keimanan (Tauhid) anak pada masa kini dan akan datang, serta mendidik anak untuk menjaga hubungan sesama manusia dan juga hubungan antara ibu bapa dan anak-anak.

Seterusnya, jurnal yang bertajuk “Cara Mendidik Anak Dalam Keluarga Menurut Surah Luqman Ayat 13-15 Perspektif *Tafsir Ibnu Katsir*” yang ditulis oleh Maulida dan Monica pada tahun 2023. Jurnal ini membahas tentang cara mendidik anak dalam keluarga menurut Surah Luqman ayat 13-15, dengan perspektif tafsir Ibnu Katsir. Metode yang digunakan dalam jurnal ialah kualitatif. Jurnal ini juga menjelaskan cara mendidik anak dalam keluarga menurut Surah Luqman ayat 13-15. Rumusan yang boleh diambil dalam jurnal ini juga adalah bagaimana cara mendidik anak dalam keluarga menurut Surah Luqman ayat 13-15 dalam perpektif Tafsir Ibnu Katsir. Hasil penelitian menunjukkan bahwa Luqman Al-Hakim mendidik anaknya dengan cara memberikan beberapa nasihat yang sangat bijaksana dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang. Pembelajaran pertama yang diberikan kepada anaknya adalah pendidikan tauhid, yang berkenaan dengan aqidah, kemudian Luqman menasihati anaknya untuk selalu berbakti kepada kedua orang tua, terutama ibu kerana jasanya yang begitu besar kepada seorang anak, dan yang terakhir larangan untuk mengikuti perbuatan syirik walaupun atas perintah dan paksaan dari kedua orang tua, walaubagaimanapun seorang anak tetap memiliki kewajiban untuk menjalin hubungan yang baik dengan orang tuanya.

Kajian yang bertajuk “Konsep Pendidikan Anak Dalam Al-qur'an Surah Luqman Ayat 13-19 Menurut *Tafsir Al-Azhar*” yang ditulis oleh Nafi'ah dan Lailatun Nurun pada tahun (2019). Kajian ini bertujuan untuk untuk mengetahui konsep pendidikan anak dalam Al-Qur'an

surah Luqman ayat 13-19 dan untuk menganalisis konsep pendidikan anak dalam Al-Qur'an surah Luqman ayat 13-19 menurut Tafsir Al-Azhar karya Hamka. Jenis penelitian yang digunakan adalah perpustakaan(library research) iaitu pencarian maklumat dan bahan-bahan pustaka yang berkaitan. Adapun dalam pembahasannya penulis menggunakan metode deskriptif, kerana data yang dikumpulkan adalah data untuk melengkapkan hasil kajian ini. Berdasarkan analisis data yang ditemukan bahwa pendidikan anak dalam Al-Qur'an adalah satu usaha yang dilakukan untuk menentukan perkembangan pendidikan jasmani dan rohani yang dimiliki oleh anak sebagai seorang individu yang memerlukan bimbingan, pengarahan, dan pengembangan potensi (fitrah) guna mencapai suatu keselarasan dan kesempurnaan dalam kehidupan pada zamannya. Pencapaian tersebut diperlukan upaya internalisasi dan transformasi nilai-nilai pendidikan, kebudayaan, dan adat istiadat yang ada. Pendidikan anak menurut Hamka mencakup meliputi yang pertama, pendidikan aqidah merupakan pendidikan yang penting. Pendidikan ini pendidikan dasar untuk mengenal Tuhan (Allah) SWT dan pendidikan pembebasan dari kebergantungan terhadap selain Allah SWT. Kedua, Pendidikan Ibadah merupakan suatu pendidikan membangun suatu hubungan dengan Sang Pencipta sebagai perwujudan dari kesinambungan pendidikan aqidah. Ketiga, Pendidikan Akhlak merupakan fokus pendidikan yang sangat penting untuk anak.

Terdapat juga kajian yang bertajuk "Aulawiyat Dalam Pendidikan Anak-Anak Mengikuti Kajian Terhadap Surah Luqman" yang ditulis oleh Abdul Mukti bin Baharudin pada tahun 2018. Kajian ini membincangkan tentang perkara yang perlu diutamakan iaitu aulawiyat melalui pendidikan di dalam surah luqman bermula ayat 12 hingga ayat 19. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana ingin memfokuskan manhaj Al-Quran dalam surah Luqman dalam mendidik anak-anak dengan menggunakan kajian menganalisis teks. Kajian ini juga menerangkan tentang definisi-definisi awlawiyat, pendidikan dan anak serta pengenalan surah luqman dan manhaj pendidikan anak-anak di dalam surah luqman keseluruhannya iaitu tentang kefahaman akidah yang sah dan pengamalan hukum syarak serta kepatuhan kepada tuhan. Oleh itu, Allah telah memberi metodologi yang terbaik berdasarkan Al-Quran bagi mendidik anak-anak.

Selain itu, kajian yang bertajuk "Parenting Islami Dan Kedudukan Anak Dalam Islam" yang dikarang oleh Puput Anggraini dan Eka Robiul Khasanah pada tahun 2022. Kajian ini membincangkan tentang peranan dan tanggungjawab orang tua dalam mendidik anak-anak mengikut nilai-nilai agama islam serta menjadikan cara yang dipraktikkan oleh rasulullah s.a.w sebagai tunjang utama. Mendidik anak-anak mengikut gaya hidup islam juga merupakan antara cara untuk melahirkan generasi-generasi muda yang bermoral dan mengikut cara islam yang sebenar. Kajian ini juga meninggalkan beberapa metodologi yang berbeza mengikut tahun kerana lain cara didikan mengikut umur dan generasi. Dalam kajian ini juga memfokuskan tentang faktor-faktor penting hubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Oleh itu, peranan ibu bapa dalam melahirkan anak-anak mengikut gaya hidup islam merupakan tonggak yang akan menjadikan manusia yang berakhlak serta memimpin.

Akhir sekali, kajian yang bertajuk "Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam Mengikuti Analisis Surah Luqman" yang ditulis oleh Khairul Azhar pada tahun 2017. Kajian ini membincangkan tentang model pendidikan yang dilaksanakan oleh Luqman yang boleh dipraktikkan kepada masyarakat umum khususnya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu penelitian mengikut teks-teks klasik iaitu kitab turath dan kontemporari yang berakaitan dengan tafsir ayat 13 hingga ayat 19 surah luqman sestersunya dianalisis secara induktif bagi menghasilkan satu panduan umum berhubung dengan kaedah pembentukan

karakter anak-anak mengikut cara islam. Oleh itu, pembentukan anak-anak perlu diasah sejak mereka dari kecil lagi bagi melahirkan anak-anak yang berkeperibadian yang mulia serta menepati asas-asas utaman dalam islam.

Definisi Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu usaha untuk melindungi, menjaga dan memberikan bantuan kepada kedewasaan anak-anak agar mereka mampu melaksanakan tugas tanpa memerlukan bantuan yang lain. Dengan bimbingan yang baik melalui mendidik anak-anak tersebut, pada masa yang sama mereka dapat mengamalkan nilai-nilai murni yang bersesuaian dengan didikan yang disediakan.

Menurut Dewey yang merupakan ahli pendidikan, pendidikan merupakan satu proses pengalaman kepada anak-anak kerana pendidikan ini adalah antara proses pertumbuhan bagi penyesuaian diri anak-anak dan mampu menambahkan imunisasi dalam badan mereka supaya minda mereka dapat berkembang dan menerima sesuatu keadaan dengan lebih pesat.

Oleh kerana itu, pendidikan yang diterapkan oleh islam adalah dengan mewujudkan pelapis generasi muda yang mempunyai nilai-nilai murni dalam diri serta dapat membentuk generasi yang soleh dan solehah. Sepertimana yang telah disebutkan, pendidikan ini merupakan satu proses, dan proses ini dilakukan sebelum lahirnya anak-anak ke dunia ini dengan mempersiapkan diri ibu bapa kerana mendidik merupakan perkara yang sering dilakukan oleh orang tua bak kata pepatah 'ke mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi'.

Biografi Luqmanul Hakim

Nama luqman al-Hakim tidak asing dan sering didengari oleh Masyarakat kini. Luqman al-Hakim telah disebutkan Namanya di dalam Al-Quran yang terkenal dengan nasihat-nasihatnya dan berkaitan dengan pendidikan kepada anaknya sehingga Allah Taala menurunkan satu surah yang dikhaskan dan dikenali dengan Surah Luqman. Menurut Ibnu Jarir alTbari berkata: iaitu Allah Taala telah memberikan Luqman kefahaman dalam agama, akal, dan berkata benar dalam dalam perkataan. Berkenaan dengan biografi Luqman al-Hakim, Ulama' berbeza pendapat tentang Luqman al-Hakim termasuk nama. Nasab, dan pekerjaan beliau.

Menurut (Tafsir Ibn Kathir,1999), nama penuh Luqman ialah Luqman bin Anqa' bin Sadun. Nama anak lelakinya adalah Tharan menurut riwayat Al-Suhayli. Merujuk kepada (Tafsir Al-Qurtubi, 1963) beliau ialah Luqman bin Ba'ura' bin Nahur bin Tarih. Pandangan Al-Zamakhsyari nasab Luqman ialah Luqman bin Ba'ura' bin Ukhti Ayyub atau bin Khalatih. Dikatakan juga bahawa Luqman pernah hidup seratus tahun dan pernah hidup pada zaman nabi Daud dan bertemu dengan nabi serta mengambil ilmu daripadanya. Merujuk kepada Al-Suhaili pula Luqman bin Ba'ura' bin Nahur bin tarih dan nasabnya daripada Muhammad bin Ishaq dan beliau daripada kaum Ayla. Pendapat Al-Waqidi pula mengatakan luqman adalah seorang hakim dari kalangan bani Israil. Diceritakan juga sifat fizikal Luqman seperti mana Said ibn Al-Musayyab berkata: Luqman adalah seorang lelaki berkulit hitam yang berasal dari Sudan atau Mesir dan berbibir tebal, Allah Taala yang memberinya kebijaksanaan dan tidak diberi kepadanya kenabian. Pandangan majoriti penafsir mengatakan bahawa beliau adalah seorang wali dan bukannya seorang Nabi.

Berdasarkan kepada Fatwa Dar Al-Ifta' Al-Misriyyah berkenaan dengan biografi Luqman Al-Hakim terdapat pelbagai khilaf ulama' berkenaanya. Mengikut pandangan Al-

Waqidi beliau adalah seorang hakim di antara bani israel. Selain itu ada pendapat yang mengatakan beliau seorang tukang jahit, juga dikatakan sebagai tukang kayu. Telah dirakamkan juga di dalam hadith Menurut (tafsir ibn kathir,1999) bahawa luqman juga seorang pengembala kambing. Berdasarkan kepada pengarang Tafsir Al-Quran Al-‘Azim bahawa para ulama terdahulu berselisih pendapat tentang Luqman samada beliau seorang hamba yang soleh atau tidak diberi tanda kenabian kepadanya? Dalam hal tersebut terdapat dua pendapat dan majoriti ulama’ dengan pendapat yang kedua. Menurut pendapat jumhur ulama’ berpendapat bahawa luqman adalah seorang wali Allah yang soleh dan bukan seorang nabi.Telah disepakati bahawa Allah memberinya hikmah dan mencatatkan wasiatnya di dalam Al-Quran. Beliau seorang yang bijaksana dengan kebijaksanaan yang Allah Taala berikan kepadanya. Perkara yang penting adalah kita harus mencontohi kehidupannya dan mengamalkan kebijaksanaannya.

Intipati Pendidikan Anak Dalam Surah Luqman

Pendidikan Islam yang digambarkan di dalam Al-Quran dalam surah Luqman menceritakan tentang keperibadian Luqman al-Hakim secara khusus perkara berkaitan nasihat dan kaedah pendidikan yang diaplikasikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya. Ayat-ayat tersebut merupakan ayat wasiat berbentuk pendidikan yang mengandungi tiga aspek pendidikan penting iaitu pendidikan akidah, ibadah dan akhlak. Dalam pendidikan akidah, penumpuan diberikan dalam mengajar anak-anak supaya mentauhidkan Allah s.w.t iaitu larangan mensyirikkanNya, manakala dalam pendidikan ibadah pula memberi tumpuan terhadap amalan solat serta suruhan melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Aspek yang terakhir dalam Pendidikan Luqman pula memberi penekanan terhadap pendidikan akhlak. Ayat yang berikut merupakan ayat pendidikan Luqman yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu ayat 12 hingga ayat 19. Ia merupakan perkara yang penting dalam mendidik anak-anak dan beberapa wasiat luqman yang diberikan kepada anaknya agar masyarakat kini dapat menerima pengajaran dan dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنْ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ۝ ١٢

Maksudnya : *Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*

Tafsiran ayat 12 menerangkan tentang hikmah yang diperolehi oleh Luqman daripada Allah dimana definisi hikmah yang dinyatakan oleh Ar-Razi bermaksud sesuai di antara perbuatan dan pengetahuan. Ilmu pengetahuan dan perbuatan perlulah bergerak seiring agar tidak lari tersasar dan dapat seimbangkan kedua-duanya supaya sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t. Sepertimana firman Allah, “*Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya aku akan menambah nikmat kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari nikmatku, sesungguhnya azabku benar-benar sangat keras*” Surah Ibrahim : Ayat 7.

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ۝ ١٣

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah*

(dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Tafsiran ayat 13 yang boleh dipraktikkan adalah dengan mengajarkan kepada anak-anak agar tidak mempersekutukan Allah s.w.t dan dapat menjalani gaya hidup islam yang sebenar. Bayi yang baru lahir mengucapkan dua kalimah syahadah yang membuktikan yang mereka berjanji setia bahawa tiada tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad pesuruh Allah. Jiwa manusia yang telah dihidupkan oleh Allah maka berakhir juga dengan-Nya menunjukkan bahawa Allah itu satu dan tidak berbilang.

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ ۖ وَفِصْلُهَا فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدِكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ١٤

Maksudnya: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Tafsiran ayat 14 merupakan perintah Allah agar menghormati dan memuliakan ibu bapa. Ibu bapa merupakan wasilah kepada anak-anak yang akan menjadi khalifah di muka bumi ini agar menjadi insan yang bermanfaat kepada masyarakat umumnya.

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۖ فَلَا تُطِعْهُمَا ۚ وَصَاحِبَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ ۚ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥

Maksudnya: Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Tafsiran ayat 15 menyatakan agar jangan taati ibu bapa sekiranya mereka menyekutukan Allah dari sudut ibadah kerana keutamaan mentaati Allah adalah lebih mulia berbanding mentaati ibu dan bapa. Tetapi, tetaplah berbuat baik kepada kedua-duanya dan jangan menderhakainya kerana mereka tetap insan yang melahirkan kita di dunia.

يٰٓأَيُّهَا إِنِّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ ۖ مِنْ حَرْدَلٍ ۖ فَتَكُنْ فِي صَحْرَةٍ أَوْ فِي السَّمُوتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ١٦

Maksudnya: (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

Tafsiran ayat 16 menjelaskan bahawa ilmu dan kuasa Allah meliputi segalanya kerana Allah maha mengetahui baik di langit mahupun di bumi. Amal yang dikerjakan oleh manusia

walaupun sekecil biji sawi tetap dipandang oleh Allah dan sentiasa ikhlas dalam melakukan kebaikan kerana semuanya berbalik kepada Allah.

يُيَسِّرْ أَقِيمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزَمِ الْأُمُورِ ١٧

Maksudnya: Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

Tafsiran ayat 17 mengingatkan kita agar melaksanakan solat kerana solat adalah perkara fardhu yang wajib dilakukan oleh umat islam dan melakukan perkara makruf serta mencegah kemungkaran. Inilah modal yang dibawa oleh Nabi Muhammad kepada umatnya agar menguatkan peribadi dan meneguhkan hubungan dengan Allah s.w.t.

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ١٨

Maksudnya: "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ١٩

Maksudnya: "Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".

Tafsiran ayat 18 dan 19 menegaskan agar tidak bermegah dan angkuh sesama manusia kerana penyakit hati adalah sebahagian daripada perkara mazmumah. Sentiasa bersederhana dalam melakukan segala perkara serta sentiasa berhati-hati dengan tindak tanduk syaitan yang sering ingin menyesatkan manusia daripada jalan kebenaran.

Pendidikan Akidah

Nasihat yang pertama diberikan oleh Luqman terhadap anaknya dalam **surah Luqman ayat 13** ialah nasihat tentang akidah merupakan pusat segala usaha dan tujuan dalam setiap amal dan perbuatan. Ibu bapa perlu memberikan pendidikan kepada anak-anaknya tentang apa yang dapat memberikan manfaat di dunia dan di akhirat. Pendidikan itu harus dimulakan dari pendidikan aqidah dan menjauhkannya dari perbuatan menyekutukan Allah (syirik). Sebagaimana Luqman yang telah menasihati anaknya agar tidak menyekutukan Allah kerana perbuatan itu merupakan kezaliman yang besar. Syirik bukan hanya terbatas pada penyembahan kepada selain Allah yang termasuk dalam syirik besar, akan tetapi syirik adalah merupakan segala macam bentuk perbuatan yang dapat menjadi perantara kepada syirik yang besar.

Pendidikan Ibadah

Ibadah merupakan tujuan utama dari di ciptakannya jin dan manusia. Oleh kerana itu, pentingnya ibadah untuk dilakukan dan dimulakan sejak awal lagi. Kerana setiap perbuatan

yang dilakukan manusia akan menjadi ibadah manakala perbuatan itu dilakukan dengan dasar ilmu dan juga keikhlasan yang tinggi. Dalam **surah Luqman ayat 16** ini tersirat tujuan pendidikan, iaitu arahan kepada perilaku manusia untuk menyakini bahawa tidak ada sesuatu yang sia-sia. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa wasiat Luqman dalam ayat ini dimaksudkan untuk mengusik perasaan anaknya agar tumbuh keyakinan akan kekuasaan Allah yang tidak terbatas. Jika keyakinan ini tumbuh, maka akan lahir pula sikap-sikap perbuatan yang baik.

Pendidikan Akhlak

Islam mengajarkan bahwa akhlak tidak dapat dipisahkan dengan iman sebab iman merupakan pengakuan hati dan akhlak sebagai pantulan iman pada setiap perilaku dan ucapan. Ibu bapa memegang peranan penting terhadap pendidikan akhlak anak agar memiliki kepribadian yang baik sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam Al-Quran dan al-Hadis. Begitu pentingnya pendidikan akhlak ini, maka Rasulullah Saw, sendiri di utus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Tujuan dari pendidikan akhlak ialah untuk menciptakan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Inilah wasiat Luqman yang diberikan kepada anaknya yang menjadi kaedah ketiga dalam pendidikan agama. Sebagaimana dalam **surah Luqman ayat 18 dan 19**.

Perbahasan Antara Pendidikan Akidah Dan Pendidikan Syariat

Pendidikan tauhid atau pendidikan akidah yang dirujuk dalam ayat 13 Surah Lukman menjelaskan dalam ayat 16 Surah Lukman Ia mengandungi dua penjelasan yang pertama, pengawasan Allah, pendidikan akidah yang Luqman menerapkan kepada anak-anaknya sebenarnya secara tidak langsung, ia adalah pendidikan ke arah pengawasan Allah adalah satu bentuk keimanan seorang hamba. Seseorang yang imannya kuat, akan membuatnya berhati-hati dalam setiap perbuatan dan menjauhi segala perbuatan buruk. Allah SWT berfirman dalam Surah Luqman ayat 16

يٰۤاَيُّهَا اِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ ۙ مِنْ حَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَحْرَةٍ اَوْ فِي السَّمٰوٰتِ اَوْ فِي الْاَرْضِ يٰۤاَتِ بِهَا اللّٰهُ اِنَّ اللّٰهَ
لَطِيْفٌ خَبِيْرٌ ۙ ۱۶

Maksudnya: (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

Seorang Muslim mesti percaya bahawa tidak ada perkara seperti itu, dan tiada perbuatan yang dapat disembunyikan daripada Allah. Dia yang menciptakan alam ini dan isinya dan Dia mengetahui segala-galanya sesuatu yang tersembunyi dalam lipatan hati manusia. Menanamkan sifat akidah dan pengawasan Allah sangat penting untuk mendidik anak-anak, sehingga sifat itu sendiri lahir dalam dirinya bahawa kepercayaan kepada Allah mestilah sentiasa disertai dengan perbuatan yang baik dan mulia. Orang yang berilmu ialah orang yang takut kepada Allah, sentiasa merasa dipantau untuk setiap tindakan yang diambil. Menanamkan sifat tauhid dan rasa diawasi Allah pada anak-anak. Ini bermakna ia hanya disampaikan oleh ibu bapa secara teori sahaja supaya mereka faham dengan baik, tetapi ia memerlukan motivasi, dorongan dan sentuhan hati supaya anak-anak dapat melakukan apa

yang diwajibkan oleh agama. Suka apa yang diperkatakan oleh Luqman al-Hakim lakukan ketika menasihati anaknya. Luqman memulakan nasihatnya dengan menggunakan istilah "ya Bunayya" menggambarkan betapa besarnya rasa sayangnya terhadap anaknya memberikan pendidikan agama.

Berdasarkan konsep pengawasan daripada Allah iaitu akidah berfungsi untuk:

- a. Mengubah tingkah laku; orang yang percaya akan mengubah sifat ego dan memuaskan mereka nafsu menjadi sebaliknya, bermakna ia menjadi kebaikan yang berguna untuk masyarakat, menyebarkan kasih sayang dan kedamaian antara individu dan kumpulan malah antara bangsa
- b. Tegak dalam pendirian; seorang muslim yang menanam iman yang kuat dalam dirinya tidak akan mudah terpengaruh dengan pelbagai jenis godaan yang boleh menyebabkan dia jatuh ke dalam kehinaan. Contohnya, bertukar-tukar iman dengan kesenangan duniawi.
- c. Melindungi diri daripada nafsu; akidah dan iman yang sempurna boleh disifatkan dengan luasnya di mana seseorang boleh mengelak daripada menyerah kepada kejahatan nafsunya.

Pendidikan tauhid, pendidikan syariah dan pendidikan akhlak yang diberikan dengan betul kepada kanak-kanak akan menjadikan kanak-kanak memahami kewajipan mereka terhadap ibu bapa mereka. Kewajipan ini disebabkan kerana ibu bapa adalah sebab anak-anak ada di dunia ini dan boleh menikmati hidup di dunia. Anak yang menderhaka kepada kedua-dua orang tua bermakna dia telah mengingkari nikmat yang Allah berikan kepadanya dan mengingkari kebaikan ibu bapanya terhadapnya.

Begitu besar jasa dan pengorbanan ibu bapa kepada Allah SWT., menyuruh setiap manusia berbuat baik kepada kedua-duanya terutamanya ibu. Bagi ibu, dia telah mengalami kesakitan yang amat sangat mengandung dan melahirkan serta mendidik dan mengasuh. Dengan usaha yang hebat. Si ibu mengandung dan keadaannya semakin hari semakin lemah semakin sukar sehingga waktu bersalin tiba. Walaupun selepas bersalin dia mendidik dan mengasuh dengan sekuat tenaga. Di dalam kitab Ibn Kathir mengatakan bahawa jerih payah dan penderitaan ibu dalam mendidik dan menjaga anaknya membuatkan ibu terjaga siang dan malam. Perkara Ia adalah untuk mengingatkan anak tentang kebaikan ibunya terhadapnya.

Mengenai ayah, dia telah meletakkan semua kemampuannya alam mencapai kebaikan untuk menjaga tubuh dan jiwa anaknya. Seorang bapa yang telah mencari rezeki untuk menyara keluarga dan anak-anak agar dapat hidup dengan baik. Oleh itu anak harus berterima kasih kepada kedua ibu bapanya atas jasa mereka. Berbakti kepada ibu bapa adalah amalan yang paling penting Allah paling suka setelah perintah beribadah kepada-Nya.

Berbakti dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa boleh berbentuk perkataan dan perbuatan baik yang lain antaranya:

1. Bergaul dengan mereka berdua dengan baik
2. Bersikap rendah diri di hadapan ibu bapa, jangan mengeluarkan kata-kata kasar dan meninggikan suaranya di hadapan mereka
3. Patuhi perintah dan penuhi keperluan semasa mereka mereka perlu
4. Minta izin mereka untuk apa yang kita nak buat.
5. Sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka.

Berbuat baik kepada ibu bapa anda bukan hanya sesuatu yang anda lakukan apabila anda melakukannya mereka hidup di dunia sahaja tetapi sehingga mereka mati, iaitu dengan beramal, mendoakan mereka, menyambung tali silaturahmi dengan kaum kerabat, bersedekah dan membayar hutang mereka dan memenuhi kehendak mereka.

Model Pendidikan Anak Dalam Surah Luqman Dalam Kehidupan Serta Cara Pendidikan Luqman Yang Berkait Dengan Zaman Kini

Anak-anak merupakan anugerah yang diberikan oleh Allah s.w.t yang amat berharga kepada setiap pasangan suami isteri. Anak-anak juga merupakan amanah Allah di dunia ini dan merupakan pinjaman dari-Nya. Sekiranya ibu bapa gagal menjalankan tanggungjawab kepada anak-anak seperti tidak memberikan didikan yang baik buat mereka, tidak mengajar mereka mengikut cara islam, maka ibu bapa gagal dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah. Oleh itu, tugas ibu bapa amat berat dalam mendidik dan membesarkan anak-anak tetapi amat mudah sekiranya ibu bapa mendidik anak-anak mengikut gaya hidup islam.

Sikap dan peribadi Luqman Al-Hakim yang mana kebijaksanaan yang luar biasa sehingga mendapat gelaran Al-Hakim serta kehebatan beliau dalam mendidik anaknya dengan penuh hikmah dijadikan panduan sehingga masa kini kerana model pendidikan ibu bapa yang diperkenalkan oleh Luqman Al-Hakim bersesuaian sepanjang zaman mengikut panduan-panduan yang terdapat dalam Surah Luqman di beberapa ayat.

Di dalam konteks peredaran semasa zaman kini, kisah Luqman Al-Hakim dapat diaplikasikan dalam pendidikan anak-anak dan nilai-nilai yang bersesuaian mengikut era globalisasi masa kini. Terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan model pendidikan mengikut zaman kini. Antaranya ialah:

Pendidikan Agama Menurut Surah Luqman

Di dalam Surah Luqman, terdapat banyak pesanan daripada Luqman Al-Hakim kepada anaknya sepertimana yang telah dirakamkan Allah di dalam Al-Quran yang mana ia boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa kepada anak-anak agar mendidik mereka dengan iman, ilmu dan akhlak yang baik.

Sepertimana yang dirakamkan dalam Surah Luqman ayat 13 yang bermaksud: ‘Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberikan nasihat kepadanya: “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”’

Melihat kepada konteks ayat alquran di atas, Luqman Al-Hakim amat menekankan kepada anaknya akan konsep keimanan agar tidak mempersekutukan Allah. Mengikut peredaran zaman kini juga perkara ini perlu dititikberatkan agar anak-anak zaman kini supaya mentauhidkan Allah dan mereka menghayati semula keesaan Allah Taala serta kewujudan dan membuktikan kehebatan Allah kepada manusia. Betapa pentingnya keesaan Allah Taala dalam ibadah dan juga kehidupan seharian kerana apa-apa perkara kebaikan merupakan ibadah dan ibadah akan diterima oleh Allah Taala sekiranya kita ikhlas melakukan sesuatu perkara.

Pendidikan Moral Dan Etika Menurut Surah Luqman

Luqman Al-Hakim merupakan seorang ayah yang baik dan soleh. Oleh itu, beliau menasihati anaknya dengan pelbagai perkara antaranya berkenaan dengan akhlak. Akhlak merupakan perkara yang perlu dititikberatkan terutamanya pada era globalisasi ini kerana kanak-kanak di zaman moden ini dipengaruhi oleh media massa dan teknologi menyebabkan keruntuhan akhlak dari semasa ke semasa semakin merebak dan perlu dicegah.

Oleh itu, firman Allah s.w.t: “Dan kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah tambah, dan menyukannya dalam usia dua tahun. Bersyukurlah kepada-ku dan kepada kedua orang tuamu. Hanya kepada aku kembalimu” (Surah Luqman, 14)

Ayat diatas bersesuaian dengan konteks ini dimana sebagai seorang anak kita perlu menghormati ibu bapa dalam apa jua keadaan sekalipun. Maka, ia mampu melahirkan akhlak anak-anak yang baik perilakunya dan boleh dijadikan contoh kepada generasi yang akan datang. Akhlak yang baik akan terhasil daripada akidah yang kukuh dalam diri seseorang dan ia juga merupakan cermin keimanan kepada diri dan masyarakat. akhlak yang baik juga merupakan sifat para nabi dan rasul. Amat rugi bagi mereka yang tidak mengikut sifat-sifat yang ada pada para nabi. Oleh yang demikian, sebagai seorang muslim, kita perlulah menjadikan diri kita sebagai contoh yang baik (qudwah hasanah) agar kita tidak terjebak dalam mencipta fitnah daripada agama islam itu sendiri.

Pendidikan Ilmu Pengetahuan

Luqman al-hakim yang dikenali sebagai seorang yang bijaksana dalam segala aspek. Ibnu jarir al-tabari mengatakan bahawa Allah s.s.t membeikan luqman al-hakim pemahaman dalam agama, akal dan kebenaran dalam perkataan. namanya juga disebut-sebut sebagai orang yang sentiasa memberi nasihat yang bernas kepada anaknya dan sering dijadikan panduan kepada ibu bapa masa kini.

Firman Allah s.w.t: “dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan sesuatu yang sekali-kali tidak ada ilmu kebenaran daripadaku, maka janganlah kamu mengikuti keduanya. dan bergaullah dengan keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaku, kemudian hanya kepada aku kalian kembali, lalu aku beritakan kepadamu apa yang telah kealian kerjakan”. (surah luqman, 15)

Ayat al-quran di atas bersesuaian dengan model pendidikan yang dibawa pada masa kini kerana untuk memberitahu kepada anak-anak bahawa pentingnya mempunyai pengetahuan yang benar dan tabayyun serta mempunyai ilmu yang sahih sebelum menerima atau mengikuti sesuatu keyakinan atau tindakan. Hal ini kerana agar kita tidak terjerumus ke dalam fitnah dan berlakunya permusuhan antara satu sama lain terutamanya pada era ini yang mempunyai pelbagai platform untuk mendapatkan dan menyebarkan maklumat. Oleh itu, kanak-kanak yang berada di generasi alfa ini perlulah memastikan maklumat yang diterima itu perlu diselidik terlebih dahulu dan tidak terburu-buru dalam menghukum sesuatu perkara.

Kesimpulan

Pendidikan merupakan perkara yang penting bagi kedua ibu dan bapa. Selain mencontohi “Tarbiyatul Aulad” sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ dalam mendidik anak-anak, kita juga harus mentadabbur dan meneliti nasihat serta wasiat seorang bapa yang menasihati anaknya seperti di dalam surah Luqman terutama kepentingan pendidikan yang berasaskan keimanan. Nasihat Luqman bukan sekadar nasihat biasa dari seorang bapa kepada anaknya namun Luqman menasihati anaknya dengan penuh hikmah dan bijaksana sehingga terpahat wasiatnya didalam AlQuran. Nasihat yang mempunyai makna yang mendalam harus diaplikasikan terutama pada zaman yang penuh mencabar bagi membentuk generasi kini menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertakwa.

Rujukan

Al-Qura'an AL-Karim. (n.d.).

Abdul Mukti Baharudin. (2018, sept 18). *Aulawiyat Dalam Pendidikan Anak-anak: kajian Terhadap Surah Luqman*. Retrieved from conference.kuis.edu.my: <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2018/1056-irsyad-2018.pdf>

Adilla U, Lukman L & Noperman F. (2020, Nov). Retrieved from ejournal.unib.ad.id: <https://ejournal.unib.ac.id/juridikdasunib/article/view/14560>

Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah, Abdul Rahman Omar. (2019). Psikologi Pembangunan kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat Dan Psikologi Pendidikan Islam . *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*.

Dar Al Ifta' Al Misriyyah. (1431). Min Ahkam Mutafariqat (luqman). In D. A. Misriyyah, *fatwa Da Al Ifta' Al Misriyyah* (p. 95).

Dr Ahmad Suriansiyah. (2011). Landasan Pendidikan Kalimantan. *Comdes Bumi Mas Raya Komplek Bumi Jaya*.

Eka, Achmad Ruslan Afendi. (2023). Peran Orang Tua Dalam Mendidik Anak Perspektif Surah Luqman Ayat 12-18. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*.

Farhan Masrury. (2021). Konsep Parenting Dalm Perspektif AL-Qur'an (Analisis Surah Luqman Ayat 13-19). *Minhaj: Jurnal Ilmu Syariah*.

Hidayati Mohd Rafy, Najjah Salwa Abd Razak, Mhd Faizal Mhd Ramli. (2023). Pembinaan Makna Semiotik 37embangunan insan Dari Konteks Akhlak Menerusi Wasial Luqman Al-Hakim. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*.

Kh, E. F. F., & Mukhlis, G. N. (2017). *Pendidikan karakter untuk anak usia dini menurut QS Lukman: 13–19*. Retrieved from Jurnal Anak Usia Dini Dan Pendidikan Anak Usia Dini: <https://journal.um-surabaya.ac.id/index.php/Pedagogi/article/view/1032>

- Khairul Azhar . (2017, dec). *Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman*. Retrieved from researchgate.net:
https://www.researchgate.net/publication/322883559_KAEDAH_PEMBENTUKAN_KARAKTER_ANAK-ANAK_MENURUT_ISLAM_ANALISIS_SURAH_LUQMAN
- Mohammad Syafiq Ismail. (2023, nov 18). *Kanak-Kanak: Sebidang Kain Putih* . Retrieved from <https://www.academia.edu/>:
https://www.academia.edu/45105163/Kanak_kanak_Sebidang_Kain_Putih_Syekh_Muhammad_Al_Musayyar
- Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda. *Universiti Putra Malaysia* .
- Prof. Dr Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA). (1982). Tafsir AL-Azhar. *Pustaka Panjimas*.
- Puput Anggraini, Eka Robiul Khasanah, Putri Pratiwi, Alya Zakia . (2022). Parenting Islami Dan Kedudukan Anak Dalam Islam. *Jurnal Multidipliner Kapalamada*.
- Salihin Hussin, Ahmad Najib Abdullah, Wan Rohani Mokhtar. (2020). Konsep Pendidika Al-Qur'an. *AL-Basirah*.
- Satriyadi, Toni Nasution. (2023). Konsep Pendidikan Islam Dalam Mendidik anak Pada AlQuran Surat Luqman Ayat 12-19. *Jurnal Penelitian Dan Pengabdian Masyarakat*.
- Syafiqah Na'zaha, Balqis Arfin, Fatimah Hazmah. (n.d.). Model Nasihat Luqman Al-Hakim Kepada anaknya Daripada Surah Luqman .
- Syamila Syamin Mohamad Yatim, C. Z. (2020). Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulawan. *BITARA international Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*.
- Tafsir Al Qutubi . (1964). Surah Luqman. In M. b. Abu Abdullah, *Al Jami' li Ahkam Al Quran* (p. 59). Al kaerah: Dar Al Kutub Mesiriah.
- Tafsir Ibn Kathir. (1999). Luqman. In A. F. Quraisyi, *Tafsir AL Quran AL A'zim* (p. 333). Dar Tayibah.
- Tasir Al Qurtubi. (1964). Surah Luqman. In M. b. Abu Abdullah, *Al Jami' Li Ahkam AL Quran* (p. 59). Kaerah: Dar Al Kutub Al Mesiriah.
- Teni Nurrita. (2021). Pendidikan Anak Dalam Konsep Islam.
- Zubaedy, M. (n.d.). *Konsep Pendidikan Anak Menurut Al-Qur'an Surat Luqman Ayat 13-19*. Retrieved from Didaktika Jurnal Kependidikan:
<https://core.ac.uk/download/pdf/230710452.pdf>